

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 08 Jun 2016 16:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MARKAS ANGKATAN BERSAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN MANTAPKAN TINJAUAN



08 JUN 2016 / 03 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MARKAS ANGKATAN BERSAMA KEMENTERIAN PERTAHANAN MANTAPKAN TINJAUAN



ANJUNG TAMU ONLINE: MAB yang dikenali umum sebagai Markas Angkatan Bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kementerian Pertahanan Malaysia telah mendapat kepercayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap keupayaan benteng pertahanan negara dan sering mendapat pengiktirafan dunia.

Bahkan, kepercayaan dunia terhadap MAB yang ditubuhkan pada 16 Julai 2007 sebagai perancang serta pelaksana semua operasi bersama melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) tetap teguh perkasa.

Dalam hal ini, UUM sebagai universiti pengurusan terkemuka juga berbangga dengan pencapaian dan keupayaan MAB melaksanakan semua eksesais, ditokok tambah apabila delegasi MAB telah menyuarakan hasrat untuk meninjau lokasi universiti di rimba hijau Welcome .

Tinjauan delegasi semestinya bermula di Welcome Centre yang terus memainkan peranan sebagai gerbang informasi dengan menyampaikan taklimat umum tentang sejarah, kepimpinan dan pencapaian selama 32 tahun UUM.

Menurut pegawai staf 2, Joint Force Eks, Lt. Kol Izham Darus,

“Welcome Centre sebagai ‘One Stop Centre’ untuk meraikan tetamu ke UUM telah mencerminkan hospitaliti dan kemesraan UUM di peringkat awal lagi”.

Sementara itu, Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre yang menitikberatkan konsep kedamaian alam semulajadi turut mendapat perhatian Malaysian Armed Forces, Joint Force Headquarters, J7- Exercise, Maj. Mahdzer Maidin RMAF yang berkata,

“Positive First impression. Excellence!”

Selain itu, kata beliau lagi, “*Tagline* di rimba hijau bersesuaian sekali”.

Walaupun telah menampakan reaksi yang positif tentang keserasian di pihak MAB, namun tanggungjawab pada bahu delegasi MAB untuk membuat tinjauan awal penting dalam melaksanakan ekseseis yang dijadualkan pada tahun 2017 di sekitar kampus.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

